



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

*Untuk makluman:*

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

**Tarikh: 9 September 2024**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



**ARMIZAN Mohd. Ali (kanan) meninjau barangan Malaysia yang dijual di Lulu Hypermarket selepas merasmikan Program Cita Rasa Malaysia 2024 di Silicon Oasis, Dubai, UAE, semalam.**

## PMKS sedia bersaing di pasaran antarabangsa

**PETALING JAYA:** Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) semakin bersedia memasuki dan bersaing di peringkat global.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, perkara itu dilihat berdasarkan trend nilai eksport makanan proses dari Malaysia yang semakin meningkat.

Kata beliau, ia hampir mencecah RM600 juta di Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada tahun lalu.

“Bagi tahun 2024, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan meneruskan kerjasama dengan beberapa rangkaian pasar raya besar.

“Ini bagi tujuan penyeneraian barangan Malaysia ke pasa-

ran luar negara selain UAE iaitu di Thailand, Jepun dan China,” katanya dalam satu kenyataan.

Terdahulu, Armizan merasmikan Program Cita Rasa Malaysia 2024 di LuLu Hypermarket, Silicon Oasis di Dubai, UAE.

UAE adalah antara negara yang terpilih bagi pelancaran program yang dianjurkan di bawah Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) 2024 dengan kerjasama LuLu Group Retail Malaysia.

Mengulas mengenai program tersebut, Armizan berkata, ia dianjurkan bagi memberi peluang kepada usahawan PMKS tempatan memperkenalkan dan memasarkan produk mereka terutama di rangkaian pasar raya atau pasar raya besar di Malaysia mahupun di luar negara.

“Kerjasama erat bersama hypermarket asing dalam Malaysia turut dilibatkan bagi tujuan mempromosikan produk PMKS tempatan.

“Sebelum program ini dilancarkan, sebanyak 241 Stock Keeping Unit (SKU) barangan buatan Malaysia di bawah promosi KPDN yang memasuki rangkaian LuLu Hypermarket di seluruh UAE dengan nilai jualan sebanyak RM30 juta pada 2023. Ia terdiri daripada 30 buah syarikat tempatan yang mengeluarkan pelbagai produk segar, makanan dan produk penjagaan diri.

Katanya, sebanyak 44 SKU tambahan dibawa masuk daripada 16 buah syarikat yang terpilih dalam usaha meluaskan pasaran produk PMKS tempatan ke pasaran UAE.

## Peluang PMKS perkenal produk ke luar negara

**PUTRAJAYA** – Program Cita Rasa Malaysia 2024 dianjurkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bakal memberi peluang kepada usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan memperkenalkan dan memasarkan produk di Malaysia mahupun ke luar negara.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, kerjasama

erat bersama *hypermarket* asing dalam Malaysia turut dilibatkan bagi tujuan mempromosikan produk PMKS tempatan.

"Sebelum program ini dilancarkan, sebanyak 241 Unit Penyimpanan Stok (SKU) barangan buatan Malaysia di bawah promosi KPDN yang memasuki rangkaian LuLu Hypermarket di seluruh Emiriah Arab Bersatu

(UAE) dengan nilai jualan seba-

nyak RM30 juta pada 2023.

"Ia terdiri daripada 30 buah syarikat tempatan yang mengeluarkan pelbagai produk segar, makanan dan produk penjagaan diri," katanya dalam kenyataan selepas merasmikan Program Cita Rasa Malaysia@Dubai 2024 di LuLu Hypermarket, Silicon Oasis, Dubai kelmarin.

Sempena pelancaran program itu juga, Armizan berkata,

LuLu Group Retail Malaysia telah memberi penghargaan kepada syarikat lima teratas berdasarkan jualan produk buatan Malaysia di rangkaian Pasar Raya LuLu di UAE.

"Syarikat tersebut ialah Kawan Food Berhad, Carepro PLT, Chocofac (M) Sdn. Bhd., Sydney Cakehouse Sdn. Bhd. dan Hwa Tai Industries Berhad meliputi barangan makanan dan

minuman serta produk penjagaan diri," ujarnya.

Tambahnya, berdasarkan trend nilai eksport makanan proses dari Malaysia, ia semakin meningkat sehingga hampir mencecah RM600 juta di UAE tahun lalu.

"Dilihat PMKS Malaysia semakin bersedia untuk memasuki sekali gus bersaing di pasaran global," katanya.

## Usah naikkan harga ketika PRK: KPDN

**Pasir Gudang:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor mengingatkan peniaga dan pedagang di Dewan Undangan Negeri (Dun) Mahkota supaya tidak menaikkan harga sesuka hati sepanjang kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) bermula minggu depan.

Pengarahnya, Lilis Saslinda Pornomo berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima aduan kenaikan barang di Dun Mahkota, namun akan mengambil tindakan tegas mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 jika ia berlaku.

"Sekiranya terdapat aduan atau kami buat pemeriksaan terdapat unsur

pencatutan tindakan akan diambil. Setiap hari seramai 90 pegawai pemantau harga akan meninjau harga di premis dan kita juga ada 200 penguatkuasa melakukan pemeriksaan tidak tertakluk kepada aduan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas walkabout Program Jualan Rahman (PJR) Madani di perkaran tempat parkir di Stadium Majlis Bandaraya Pasir Gudang di sini, semalam.

Dun Mahkota kini menjadi tumpuan orang ramai terutama pengunjung luar, berikutan akan ber-

langsung Pilihan Raya Kecil (PRK) di kawasan itu yang dijadualkan pada 28 September ini.

PRK Dun Mahkota diadakan susulan kematian penyandangannya, Datuk Sharifah Azizah Syed Zain, 63, yang meninggal dunia pada 2 Ogos lalu ketika dirawat di Hospital Enche' Besar Hajjah (HEBHK), Khalsom Kluang.

Dalam perkembangan lain, Lilis Saslinda memaklumkan lebih 100,000 rakyat mendapat manfaat hasil Jualan PJR ini seluruh negeri pada tahun lalu.

“  
Setiap hari  
seramai 90  
pegawai pemantau  
harga akan tinjau  
harga  
Lilis



Armizan checking the Malaysian made products offered at LuLu Hypermarket.

## Malaysian-made products marketed in Dubai

**DUBAI:** Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali officiated the "Taste of Malaysia" (Cita Rasa Malaysia) @ Dubai 2024 Program at LuLu Hypermarket, Silicon Oasis, Dubai, United Arab Emirates (UAE).

The UAE was chosen for the launch of this program organized under the 2024 "Buy Malaysian Products Campaign" (KBBM) in collaboration with LuLu Group Retail Malaysia. Armizan said in a statement on Sunday.

According to him, the "Taste of Malaysia 2024" is organized by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living to provide local micro, small, and medium-sized enterprises (MSMEs) with the opportunity to introduce and market their products, especially in supermarket chains or hypermarkets in Malaysia and abroad.

Close cooperation with foreign

hypermarkets in Malaysia is also involved in promoting local MSME products, he said, adding that before the launch of this program, a total of 241 Stock Keeping Units (SKU) of Malaysian-made products under the ministry's promotion entered the LuLu Hypermarket network across the UAE, with a sales value of RM30 million in 2023.

This included 30 local companies producing various fresh products, food items, and personal care products.

"Today, in an effort to expand the market for local MSME products to the UAE, an additional 44 SKUs from 16 selected companies have been introduced," he said.

Armizan added that in conjunction with the launch of the "Taste of Malaysia 2024 @ Dubai" program, LuLu Group Retail Malaysia recognized the

top five companies based on the sales of Malaysian-made products in LuLu Hypermarket networks in the UAE.

These companies are Kawan Food Berhad, Carepro PLT, Chocofac (M) Sdn. Bhd., Sydney Cakehouse Sdn. Bhd., and Hwa Tai Industries Berhad, encompassing food, beverages and personal care products.

Based on the rising trend of processed food exports from Malaysia, which almost reached RM600 million in the UAE in 2023, it is evident that Malaysian MSMEs are increasingly ready to enter and compete in the global market, he disclosed.

"For 2024, my ministry will continue collaborating with several hypermarket chains to list Malaysian products in overseas markets beyond the UAE, including in Thailand, Japan and China," he said.

## Program Citarasa Malaysia buka laluan PMKS tembusi pasaran UAE

**DUBAI:** Program Citarasa Malaysia yang dilancarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di sini kelmarin, bakal membuka laluan kepada lebih banyak produk usahawan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan menembusi pasaran Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata selain China, Jepun dan Thailand, UAE adalah negara yang sesuai untuk memulakan program berkenaan kerana kedudukannya yang strategik di kawasan Timur Tengah.

Beliau berkata program berkenaan menyaksikan 44 Unit Penyimpanan Stok (SKU) barangan tempatan dari 16 syarikat akan dijual di Lulu Hypermarket, yang setakat ini mempunyai 120 cawangan di UAE termasuk

48 buah di Dubai.

"Terdapat sebanyak 241 SKU barangan buatan Malaysia di bawah promosi KPDN telah memasukirangkaian Lulu Hypermarket di seluruh UAE dengan nilai jualan sebanyak RM30 juta tahun lepas.

"Ia terdiri daripada 30 syarikat tempatan yang mengeluarkan produk segar, makanan dan produk penjagaan diri. Justeru, SKU yang dibawa masuk kali ini akan meluaskan lagi pasaran produk PMKS tempatan ke UAE," katanya kepada Bernama selepas merasmikan program Citarasa Malaysia di Lulu Hypermarket, Silicon Oasis di sini.

Berdasarkan trend nilai eksport hampir mencecah RM600 juta di UAE bagi makanan proses dari Malaysia yang mendapat permintaan tinggi, Armizan berkata PMKS Malaysia

perlu lebih bersedia untuk bersaing di pasaran global.

Armizan berkata untuk membolehkan PMKS mempunyai platform bagi memperkenalkan produk mereka, KPDN akan meningkatkan kerjasama dengan beberapa pasar raya besar lain yang mempunyai rangkaian di luar Malaysia seperti Lotus's untuk pasaran Thailand dan Aeon (Jepun).

Beliau berkata KPDN juga meneroka kerjasama dengan sebuah koperasi di China, dan ia sedang dimuktamadkan.

"Ini penting agar kita boleh mengetahui produk bersesuaian untuk dibawa masuk ke negara berkenaan, selain dapat membantu kita memantau perkembangan produk PMKS dan melakukan penambahbaikan, berdasarkan data yang diperolehi dari pasar raya terbabit," katanya. — Bernama



**CITA RASA:** Armizan (tengah) merakamkan kenangan bersama tetamu jemputan selepas merasmikan program Citarasa Malaysia di Lulu Hypermarket, Silicon Oasis Dubai.

# Program Citarasa Malaysia buka laluan PMKS tembusi pasaran UAE

PMKS Malaysia perlu lebih bersedia untuk bersaing di pasaran global: Armizan

**DUBAI:** Program Citarasa Malaysia yang dilancarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di sini kelmarin, bakal membuka laluan kepada lebih banyak produk usahawan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan menembusi pasaran Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata, selain China, Jepun dan Thailand, UAE adalah negara yang sesuai untuk memulakan program berkenaan kerana kedudukannya yang strategik di kawasan Timur Tengah.

Beliau berkata, program berkenaan menyaksikan 44 Unit Penyimpanan Stok (SKU) barangan tempatan dari 16 syarikat akan dijual di Lulu Hypermarket, yang setakat ini mempunyai 120

cawangan di UAE termasuk 48 buah di Dubai.

“Terdapat sebanyak 241 SKU barangan buatan Malaysia di bawah promosi KPDN telah memasuki rangkaian Lulu Hypermarket di seluruh UAE dengan nilai jualan sebanyak RM30 juta tahun lepas.

“Ia terdiri daripada 30 syarikat tempatan yang mengeluarkan produk segar, makanan dan produk penjagaan diri. Justeru, SKU yang dibawa masuk kali ini akan meluaskan lagi pasaran produk PMKS tempatan ke UAE,” katanya kepada Bernama selepas merasmikan program Citarasa Malaysia di Lulu Hypermarket, Silicon Oasis di sini.

Berdasarkan trend nilai eksport hampir mencecah RM600 juta di UAE bagi makanan proses dari Malaysia yang mendapat permintaan tinggi, Armizan berkata

“Terdapat sebanyak 241 SKU barangan buatan Malaysia di bawah promosi KPDN telah memasuki rangkaian Lulu Hypermarket di seluruh UAE dengan nilai jualan sebanyak RM30 juta tahun lepas.”

**Datuk Armizan Mohd Ali**  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

PMKS Malaysia perlu lebih bersedia untuk bersaing di pasaran global.

Armizan berkata, untuk membolehkan PMKS mempunyai platform bagi memperkenalkan produk mereka, KPDN akan meningkatkan kerjasama dengan beberapa pasar raya besar lain yang mempunyai rangkaian di luar Malaysia seperti Lotus's untuk pasaran Thailand dan Aeon (Jepun).

Beliau berkata, KPDN

juga meneroka kerjasama dengan sebuah koperasi di China, dan ia sedang dimuktamadkan.

“Ini penting agar kita boleh mengetahui produk bersesuaian untuk dibawa masuk ke negara berkenaan, selain dapat membantu kita memantau perkembangan produk PMKS dan melakukan penambahbaikan, berdasarkan data yang diperolehi dari pasar raya terbabit,” katanya. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 9 SEPTEMBER 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
9-Sep	Citarasa Malaysia: Buka laluan PMKS tembusi pasaran UAE	<a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/citarasa-malaysia-buka-laluan-pmks-tembusi-pasaran-uae-x95bud0">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/citarasa-malaysia-buka-laluan-pmks-tembusi-pasaran-uae-x95bud0</a>	ASTRO AWANI
9-Sep	Program Cita Rasa Malaysia 2024 peluang PMKS 'terbang' ke luar negara	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/08/program-cita-rasa-malaysia-2024-peluang-pmks-terbang-ke-luar-negara/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/08/program-cita-rasa-malaysia-2024-peluang-pmks-terbang-ke-luar-negara/</a>	KOSMO
9-Sep	KPDN Perlis tahan lelaki disyaki seleweng petrol	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-perlis-tahan-lelaki-disyaki-seleweng-petrol">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-perlis-tahan-lelaki-disyaki-seleweng-petrol</a>	BERITA RTM
9-Sep	KPDN Johor ingatkan peniaga tidak naikan harga	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1131750/kpdn-johor-ingatkan-peniaga-tidak-naikkan-harga">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1131750/kpdn-johor-ingatkan-peniaga-tidak-naikkan-harga</a>	HARIAN METRO
9-Sep	KPDN serbu stor produk tiruan	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/09/1131712/kpdn-serbu-stor-produk-tiruan">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/09/1131712/kpdn-serbu-stor-produk-tiruan</a>	HARIAN METRO
9-Sep	Cubaan penagih dadah seludup barang bersubsidi gagal	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/09/1131783/cubaan-penagih-dadah-seludup-barang-bersubsidi-gagal">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/09/1131783/cubaan-penagih-dadah-seludup-barang-bersubsidi-gagal</a>	HARIAN METRO
9-Sep	Authorities nab man with 81 litres of RON95 near Thai border	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/09/1102997/authorities-nab-man-81-litres-ron95-near-thai-border#google_vignette">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/09/1102997/authorities-nab-man-81-litres-ron95-near-thai-border#google_vignette</a>	NEW STRAITS TIMES

9-Sep	Lelaki warga Pakistan ditahan bawa barang kawalan tanpa permit	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-warga-pakistan-ditahan-bawa-barang-kawalan-tanpa-permit/">https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-warga-pakistan-ditahan-bawa-barang-kawalan-tanpa-permit/</a>	BULETIN TV3
9-Sep	Lelaki warga Pakistan ditahan bawa barang kawalan tanpa lesen	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1295830/lelaki-warga-pakistan-ditahan-bawa-barang-kawalan-tanpa-lesen">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1295830/lelaki-warga-pakistan-ditahan-bawa-barang-kawalan-tanpa-lesen</a>	BERITA HARIAN
9-Sep	Mahkota by-election: KPDN reminds traders not to raise prices	<a href="https://thesun.my/local-news/mahkota-by-election-kpdn-reminds-traders-not-to-raise-prices-ON12978710">https://thesun.my/local-news/mahkota-by-election-kpdn-reminds-traders-not-to-raise-prices-ON12978710</a>	THE SUN
9-Sep	Malaysia MSMEs Celebrate Dream of Marketing Products in UAE	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2338261">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2338261</a>	BERNAMA
9-Sep	Usahawan Malaysia Gembira Impian Pasarkan Produk ke UAE Tercapai	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2338257">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2338257</a>	BERNAMA
9-Sep	Mahkota by-election: KPDN reminds traders not to raise prices	<a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2338256">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2338256</a>	BERNAMA
9-Sep	Program Citarasa Malaysia buka laluan PMKS tembusi pasaran UAE	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/08/program-citarasa-malaysia-buka-laluan-pmks-tembusi-pasaran-uae">https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/08/program-citarasa-malaysia-buka-laluan-pmks-tembusi-pasaran-uae</a>	UTUSAN BORNEO ONLINE
9-Sep	KPDN Perlis tahan lelaki disyaki seleweng petrol	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-perlis-tahan-lelaki-disyaki-seleweng-petrol/">https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-perlis-tahan-lelaki-disyaki-seleweng-petrol/</a>	BULETIN TV3
9-Sep	Perlis KPDN detains local man, seizes subsidised petrol worth over RM5,000	<a href="https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2338198">https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2338198</a>	BERNAMA
9-Sep	[VIDEO] PRK Mahkota: Peniaga diingatkan tidak naikkan harga barang	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/684558/edisi/johor/video-prk-mahkota-peniaga-diingatkan-tidak-naikkan-harga-barang#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/684558/edisi/johor/video-prk-mahkota-peniaga-diingatkan-tidak-naikkan-harga-barang#google_vignette</a>	SINAR HARIAN

9-Sep	PRK Mahkota: Peniaga diingatkan tidak naik harga barangan	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/peniaga-diingatkan-tidak-naik-harga-barangan-semasa-prk-mahkota">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/peniaga-diingatkan-tidak-naik-harga-barangan-semasa-prk-mahkota</a>	BERITA RTM
9-Sep	Cubaan seludup minyak masak, gula bersubsidi gagal	<a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/cubaan-seludup-minyak-masak-gula-bersubsidi-gagal/">https://www.buletintv3.my/jenayah/cubaan-seludup-minyak-masak-gula-bersubsidi-gagal/</a>	BULETIN TV3
9-Sep	PMKS sedia masuk, bersaing di pasaran antarabangsa	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/pmks-sedia-masuk-bersaing-di-pasaran-antarabangsa/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/pmks-sedia-masuk-bersaing-di-pasaran-antarabangsa/</a>	UTUSAN MALAYSIA
9-Sep	KPDN Perlis tahan lelaki disyaki seleweng petrol	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/09/08/kpdn-perlis-tahan-lelaki-disyaki-seleweng-petrol/">https://malaysiagazette.com/2024/09/08/kpdn-perlis-tahan-lelaki-disyaki-seleweng-petrol/</a>	MALAYSIA GAZETTE
9-Sep	KPDN Perlis tahan lelaki disyaki seleweng petrol	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2338134">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2338134</a>	BERNAMA
9-Sep	Program Citarasa Malaysia buka laluan PMKS tembusi pasaran UAE	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/684536/berita/nasional/program-citarasa-malaysia-buka-laluan-pmks-tembusi-pasaran-uae">https://www.sinarharian.com.my/article/684536/berita/nasional/program-citarasa-malaysia-buka-laluan-pmks-tembusi-pasaran-uae</a>	SINAR HARIAN
9-Sep	Program Citarasa Malaysia buka laluan PMKS tembusi pasaran UAE	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/09/08/program-citarasa-malaysia-buka-laluan-pmks-tembusi-pasaran-uae/">https://www.tvsarawak.my/2024/09/08/program-citarasa-malaysia-buka-laluan-pmks-tembusi-pasaran-uae/</a>	TV SARAWAK
9-Sep	Program Citarasa Malaysia buka laluan PMKS tembusi pasaran UAE	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/718491">https://www.malaysiakini.com/news/718491</a>	MALAYSIA KINI